

Pengerusi SPR terima Anugerah Umar Abdul Aziz

SHAH ALAM: Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof mendahului senarai lima penerima Anugerah Khas Maulidur Rasul peringkat Selangor yang diadakan di Stadium Malawati, di sini, semalam.

Beliau menerima Anugerah Umar Abdul Aziz dengan wang tunai RM15,000, sijil penghargaan, piala irungan dan sepersalinan pakaian disampaikan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Pemilihan Abdul Aziz, 62, dibuat berdasarkan sumbangannya dalam meningkatkan kualiti dan perubahan pengurusan suatu organisasi pada peringkat jabatan, negeri atau negara.

Bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohd Najib Abdul Aziz pula menerima Anugerah Khalid Al-Walid, manakala bekas Dekan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Datuk Mohd Mokhtar Shafii (Anugerah



SULTAN Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan Anugerah Umar Abdul Aziz kepada Abdul Aziz pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Negeri Selangor di Stadium Malawati, Shah Alam.

● ROSLIN MAT TAHIR | BERITA HARIAN

Imam Ghazali) dan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Azizah Osman, menerima Anugerah Saidatina Khadijah.

Ketiga-tiga mereka menerima RM10,000, sijil penghargaan, piala irungan dan sepersalinan pakaian.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 7, Shah Alam, Nurfarah Anis Zainal Abidin pula menerima Anugerah Saidina Ali dan menerima wang RM5,000, sijil penghargaan, piala irungan dan sepersalinan pakaian.

Terdahulu, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengetuai perarakan sejauh 1.6 kilometer bermula di Stadium Mini dan berakhir di Stadium Malawati, disertai tetamu khas dan 120 kontingen.

Turut serta, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohammed Khusrin Munawi merangkap pengurus Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri; Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohd Adzib Mohd Isa; Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyes Ab-

dul Wahid dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Marzuki Hussin.

Acara lain diadakan termasuk persembahan pentas menampilkan Kumpulan Nasyid Hijjaz dan In-Team, persembahan Asmaul Husna oleh pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Istana Banda dan tazkirah ringkas oleh Dr Zahazan Mohamad dengan tajuk ‘Persefahaman Asas Perpaduan Ummah’.

Pada majlis sambutan bertemakan ‘Persefahaman Asas Perpaduan Ummah’ itu, Sultan Selangor turut berkenan melancarkan Bulan Dakwah Negeri Selangor.

Mohammed Khusrin dalam ucapannya berkata, asas dan keimanan seseorang Muslim dalam menegakkan Islam terletak pada perasaan cinta dan kasih terhadap Allah dan Rasulullah.

Justeru, katanya, tugas melaksanakan dakwah oleh umat Islam bukan sebagai satu tradisi serta adat, sebaliknya satu ketetapan dan kewajipan.